



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
29 OKTOBER 2018 (ISNIN)

AKHBAR

MUKA SURAT

Kosmo

- | | |
|------------------|----|
| - Aduan Whatsupp | 20 |
|------------------|----|

Utusan Malaysia

- | | |
|---|----|
| - Lif rosak jejas rutin harian penduduk | 56 |
| - Isu Taman Kucing perlu selesai segera | 56 |



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 29 OKTOBER 2018 (ISNIN)	
Akhbar	Kosmo
Tajuk Berita	Aduan Whatsupp
Muka Surat	20

Kosmo
29/10/18
mys 20

■ MINTA Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Selangor mengambil tindakan terhadap kenderaan terbiar yang semakin bertambah di kawasan taman perumahan di Pandan Indah. >**SEMAK**



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 29 OKTOBER 2018 (ISNIN)	
Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Lif rosak jejas rutin harian penduduk
Muka Surat	56



PENGHUNI Flat Taman Industri, Lembah Jaya, Selangor beratur menunggu giliran menaik lif ekoran hanya sebuah daripada tiga lif berfungsi sejak setahun lalu. - UTUSAN/AMIR KHALID



SEORANG penduduk bersama anaknya terpaksa menggunakan tangga untuk naik ke rumah mereka di tingkat 12 ekoran masalah lif rosak.



REAKSI

"Masalah lif rosak di perumahan ini sudah terlalu lama dan memberi kesulitan terutama kepada warga emas, ibu mengandung dan kanak-kanak untuk turun naik ke rumah masing-masing."

ROSLEY MOHD. AMIN
Peniaga



"Penduduk sudah tidak tahan dengan masalah lif rosak di perumahan ini dan aduan berkaitan juga sudah banyak kali dikemukakan kepada pihak berwajib."

ZAINON HUSIN
Penduduk



"Kami mohon pihak berwajib segera melakukan kerja-kerja baik pulih lif yang rosak bagi memastikan keselamatan dan keselamatan penduduk."

MOHD. IDRIS DAUD
Pesara

Lif rosak jejas rutin harian penduduk

um 29/10/18
N/556

Oleh ZULFADLI SHARIFUDIN
kota@utusanangroup.com.my

■ **AMPANG JAYA 28 OKT.**

KIRA-KIRA 3,000 penghuni Flat Taman Industri, Lembah Jaya di sini merayu pihak berwajib segera menyelesaikan isu kerosakan lif di perumahan mereka sejak setahun lalu.

Penduduk mendakwa kini mereka terpaksa bergantung kepada sebuah lif sahaja untuk melakukan urusan harian.

Ini kerana dua daripada tiga lif di perumahan itu rosak dan tidak dibaik pulih sehingga hari ini.

Lebih menimbulkan kebingungan

bangsan satu-satunya lif yang berfungsi diragui status keselamatannya kerana terdapat bunyi dan gegaran setiap kali mereka menggunakan kemudahan itu.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di perumahan 21 tingkat itu baru-baru ini mendapati, penduduk terpaksa beratur panjang menunggu giliran menggunakan lif sedia ada antara 10 hingga 15 minit untuk naik ke rumah masing-masing di tingkat atas.

Berdasarkan pemerhatian, ada antara penghuni terpaksa menggunakan tangga kerana tidak sanggup menunggu lama.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Penduduk flat berkenaan, Rizman Omar berkata, masalah itu telah banyak kali dikemukakan kepada pihak bertanggungjawab, namun sehingga ke hari ini tiada sebarang penyelesaian diambil.

Menurutnya, sebelum ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melaksanakan kerja-kerja baik pulih jalan raya, sistem pencegahan kebakaran dan tangki air di flat berkenaan.

"Penduduk tidak pasti bila pula kerja-kerja baik pulih lif di sini akan dilaksanakan. Kami dimaklumkan ia bergantung kepada bajet tahun hadapan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Menceritakan peristiwa paling tidak dilupakan pada tahun lalu apabila berlaku kebakaran di sebuah kediaman tingkat 12 ketika ketiga-tiga lif di situ tidak berfungsi.

"Baru-baru ini, anggota bomba terpaksa dipanggil untuk membantu seorang wanita yang mempunyai masalah obesiti turun menggunakan tangga daripada tingkat 21 ekoran lif rosak.

"Saya berharap isu ini dapat diselesaikan segera demi keselamatan dan kesejahteraan penduduk," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 29 OKTOBER 2018 (ISNIN)	
Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Isu Taman Kucing perlu selesai segera
Muka Surat	56

Isu Taman Kucing perlu diselesai segera

4M 29/10/18 MS 56

AMPANG JAYA 28 Okt. - Bekas Exco Selangor, Ronnie Liu akan mengadakan pertemuan dengan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Antarabangsa, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali bagi membincangkan isu taman rekreasi kucing yang kini bertukar sebagai Pusat Khidmat Rakyat DUN berkenaan.

Ronnie yang juga ADUN Sungai Pelek berkata, perbincangan itu dijangka turut melibatkan Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan aktivis penyelamat kucing terbiar, Jamil Ismail.

"Ideanya mewujudkan taman rekreasi kucing ini satu usaha yang baik dan perlu disokong. Ini memandangkan kerajaan negeri juga berdepan dengan masalah haiwan terbiar termasuk kucing dan anjing sejak beberapa tahun kebelakangan ini," katanya kepada Utusan Malaysia di sini.

Baru-baru ini, *Utusan Malaysia* menyiarkan laporan berhubung hasrat seorang aktivis untuk menempatkan kucing-kucing terbiar di Jalan Kerja Ayer Lama musnah apabila premis peliharaan yang dijanjikan oleh pihak berkuasa tempatan bagi tujuan itu didakwa 'dirampas' untuk kegunaan politik.

Sementara itu, Jamil atau lebih dikenali sebagai Jamil Kucing bersedia untuk bertemu dengan pihak-pihak yang terlibat bagi mencari jalan penyelesaian kepada isu berkenaan.

"Saya melakukan kerja amal ini sejak 25 tahun lalu dan tidak mengambil sebarang keuntungan kepada usaha ini," katanya.

JAMIL ISMAIL (tiga dari kiri) bersama sebahagian ahli pencinta haiwan di hadapan Pusat Khidmat Rakyat DUN Bukit Antarabangsa, Ampang Jaya, Selangor baru-baru ini.

NOTIS
PERMOHONAN LESEN MENJUAL MINUMAN KERAS
Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa **HOO SOO WAH**, MyKad No.: **800912-05-5318** yang berniaga dengan nama **KOPOL ECONOMY CONGLOMERATE (M) SDN BHD (1128293-A)** telah membuat permohonan kepada Pengerusi, Lembaga Pelesenan Eksklusif, Wilayah Persekutuan, di/a Jabatan Pelesenan dan Pengurusan Penjaja, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Tingkat 4, 5 dan 9, Menara DBKL 2, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur bagi lesen menjual minuman keras jenis **RUMAH AWAM KELAS 1** di **GF-08B&C, THE WATERFRONT @ DESA PARK CITY, NO.5, PERSIARAN RESIDEN, DESA PARK CITY, 52200 KUALA LUMPUR**.

Sebarang bantahan dari orang ramai hendaklah dikemukakan kepada Lembaga seperti alamat diatas.